

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN HARI KUALITI & INOVASI 2016**  
**PADA HARI JUMAAT, 6 MEI 2016, PUKUL 9:00 PAGI**  
**DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara Pengacara Majlis,  
Encik Khairul Amri Abdul Aziz;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ahmad Zakie Haji Ahmad Shariff,  
Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang;

Rakan-rakan saya:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan  
Kualiti);

Profesor Dr. Zulkefli Yaacob,  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Encik Abd Hamid Majid,  
Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,  
Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat  
Tanggungjawab;

Para penerima anugerah yang diraikan;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Warga UMP yang dikasihi sekalian.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. Alhamdulillah, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, sempena Majlis Perasmian Hari Kualiti & Inovasi UMP 2016.
  
2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga Universiti ini, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tuan Haji Ahmad Zakie Haji Ahmad Shariff, Ahli Lembaga Pengarah UMP selaku tetamu kehormat kita pada pagi ini.

3. Sebagai sebuah acara tahunan Universiti, sambutan Hari Kualiti & Inovasi berfungsi sebagai medan pengiktirafan kepada warga kerja dan pusat tanggungjawab yang telah membuktikan kecemerlangan perkhidmatan mereka dalam pelbagai lapangan.
4. Pengiktirafan ini adalah satu bentuk dorongan kepada warga kerja kita untuk meningkatkan daya saing mereka sebagai penjawat awam yang cemerlang dengan pencapaian yang boleh dicontohi rakan-rakan sekerja mereka. Dengan galakan dan motivasi sedemikian, saya percaya bahawa warga kerja kita mampu menyumbangkan khidmat yang jauh mengatasi ekspektasi pihak pengurusan, sekaligus meningkatkan lagi kualiti dan reputasi pusat tanggungjawab di mana mereka ditempatkan.

5. Keseronokan bekerja yang sedemikian, pada hemat saya, hanya akan dapat direalisasikan dengan kejelasan, ketelusan dan ketulusan nawaitu dalam jiwa setiap warga kerja di Universiti ini. Apabila kerja dilihat sebagai ibadah, jawatan dilihat sebagai tanggungjawab dan perkhidmatan dilihat sebagai satu bentuk pengabdian kepada Allah Ta'ala, maka serumit atau sesulit mana pun sesuatu tugas akan dipermudahkan penyelesaian atau jalan keluarnya. Kesucian hati dan ketelusan nawaitu adalah prasyarat utamanya.

## **PEMBUDAYAAN KUALITI DAN INOVASI**

6. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sejajar dengan namanya sendiri, pelaksanaan acara ini turut membuktikan komitmen berterusan pihak pengurusan dan warga kerja UMP untuk mengamalkan budaya kerja cemerlang yang berpaksikan kualiti dan inovasi secara optimum. Inilah juga yang dihasratkan oleh kerajaan melalui pekeliling khas mengenai Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Januari 2010.

7. Dengan agenda transformasi yang kini diberikan perhatian serius oleh kerajaan, UMP tidak terkecuali untuk turut mendukung aspirasi perdana tersebut dalam setiap perencanaan dan tindakan strategiknya. Malah, sifat UMP sebagai sebuah menara gading dan gedung ilmu pengetahuan itu sendiri menuntut dinamika dan pragmatisme pihak pengurusan dan warganya untuk menerajui kegemilangan dengan kelebihan dan kekuatan yang dimiliki oleh Universiti ini.
8. Maka itulah, kita di UMP akur bahawa hasrat kerajaan untuk meningkatkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam adalah amat mustahak dalam konteks empat rasional berikut iaitu:

**Pertama**, keperluan memenuhi perubahan ketara dalam kehendak rakyat secara lebih berkesan;

**Kedua**, keperluan meningkatkan kecekapan dan mengawal kos dalam menanganikekangan sumber kewangan semasa;

**Ketiga**, keperluan memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu apabila kaedah-kaedah semasa didapati kurang berkesan; dan

**Keempat**, keperluan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini secara optimum.

9. Kesedaran mengenai kepentingan untuk menguruskan perubahan secara terarah, terstruktur dan sistematik bagi mengekalkan kemandirian Universiti ini dalam ekosistemnya secara lestari telah dilaksanakan melalui Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran pada tahun 2008 yang seterusnya turut mendasari semangat Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan Pelan Strategik UMP 2016-2020.
10. Kesedaran tersebut bertitik-tolak daripada pendekatan pengurusan yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi yang menunjangi perencanaan dan tindakan strategik di Universiti ini. Dengan menyaring dan mengenalpasti keutamaan yang sebenar-benarnya mustahak, maka pihak pengurusan berupaya menentukan trajektori strategik bagi UMP bagi maksud pencapaian jangka pendek dan jangka panjang.

11. Tentu sekali, status autonomi yang dimiliki oleh UMP sejak 11 Ogos 2015 yang lalu turut mencabar pihak pengurusan untuk meneliti agenda transformasi tadbir urus secara lebih terarah dengan menjunjung prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan tanpa gagal. Justeru, disiplin, kualiti dan inovasi merupakan faktor pengupaya yang kritikal bagi maksud tersebut.

### **MELESTARIKAN UNIVERSITI, MEMASYARAKATKAN TEKNOLOGI**

12. Tuan-tuan dan puan-puan,

Kesatuan pemikiran dan tindakan dalam kalangan warga kerja Universiti ini adalah prasyarat utama yang menentukan keberkesanan, kecekapan dan kejayaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang kini sedang dilaksanakan. Dalam konteks tersebut, pihak pengurusan UMP memberikan tumpuan yang serius terhadap aspek pembangunan bakat cemerlang yang berupaya memberikan sumbangan yang terbilang ke arah kegemilangan Universiti ini.

13. Antara ciri utama bakat cemerlang tersebut ialah kemampuan untuk mencetuskan idea-idea yang kreatif bagi maksud peningkatan kualiti produktiviti penyampaian perkhidmatan. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam luar institusi melalui proses penyelidikan, penandaanaras (*benchmarking*) atau pembelajaran dalam organisasi (*organizational learning*).
14. Dalam hubungan tersebut, kreativiti warga kerja di pelbagai pusat tanggungjawab di Universiti ini sentiasa dialu-alukan pihak pengurusan. Inovasi yang ditampilkan melalui inisiatif sedia ada seperti Amalan 5S dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) berupaya memberi impak kepada penambahbaikan kualiti sistem penyampaian, prestasi pekerja dan produktiviti organisasi.
15. Maka jelaslah bahawa dalam iklim universiti seperti di sini, tuntutan penerokaan pengetahuan, kajian ilmiah, inovasi proses dan kreativiti pemikiran itu tidaklah terhad dalam kalangan komuniti akademia sahaja, tetapi menyeluruh sifatnya, meliputi semua peringkat dan segmen pekerjaan, skim, gred dan kumpulan perkhidmatan.

16. Apa yang penting, inovasi yang ditampilkan, sama ada dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Dengan cara inilah, maka tema Hari Kualiti dan Inovasi 2016 kali ini iaitu “Melestarikan Universiti, Memasyarakatkan Teknologi” dapat direalisasikan dengan berkesan.

### **PENGHARGAAN DAN PENUTUP**

17. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sukalah saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada para warga kerja dan juga pusat-pusat tanggungjawab yang terpilih sebagai penerima anugerah bagi pelbagai kategori yang telah dikenalpasti sempena Hari Kualiti & Inovasi 2016 ini.

18. Semoga pengiktirafan yang diberikan ini akan meningkatkan lagi motivasi para penerima untuk terus berkhidmat cemerlang sebagai penjawat awam yang bertanggungjawab, berdedikasi dan berintegriti tinggi.

19. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih turut dirakamkan buat para staf dan pusat-pusat tanggungjawab dalam Jawatankuasa Pelaksana Hari Kualiti & Inovasi 2016 atas komitmen dan penglibatan bagi menjayakan penganjuran dan pengelolaan acara pada hari ini dengan lancar dan teratur.
20. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada kita semua, Universiti ini dan negara Malaysia dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kemakmuran dan kecemerlangan, *Amin.*

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*